



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG
PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY



KEMENTERIAN KEMAJUAN
DESA DAN WILAYAH



BUKU MAKLUMAT & JEMPUTAN GRADUAN KONVOKESYEN PERDA-TECH KE-14

29 NOVEMBER 2025

SABTU

Para Graduan Yang Dihormati Sekalian,

**JEMPUTAN KE KONVOKESYEN INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI
PERDA (PERDA-TECH) KALI KE-14**

Tahniah di atas kejayaan anda menamatkan pengajian. Dengan sukacitanya anda dijemput menghadiri Majlis Konvokesyen PERDA-TECH untuk penganugerahan Diploma dan Sijil anda secara fizikal.

Maklumat lanjut dan terkini mengenai Upacara Konvokesyen ini boleh diperolehi menerusi: www.perda-tech.edu.my

- Telefon No. 04-599 1100

Berikut adalah maklumat-maklumat penting berkaitan Majlis Konvokesyen ini:

1. TARIKH DAN TEMPAT:

Majlis Konvokesyen akan diadakan pada **29 November 2025 (Sabtu) Secara Fizikal** bertempat di **Dewan Utama, PERDA-TECH, Bukit Panchor 14300 Nibong Tebal, SPS**

2. KEHADIRAN:

Sila ambil perhatian bahawa kerusi tidak akan disediakan untuk anda di dalam dewan sekiranya anda tidak menghadiri Raptai Majlis Konvokesyen. Kehadiran anda hanya akan diambil kira setelah anda mendaftar diri untuk mengikuti Raptai Konvokesyen pada waktu dan tempat yang ditetapkan.

3. RAPTAI & TAKLIMAT KONVOKESYEN:

Raptai Konvokesyen akan diadakan pada

Tarikh : 28 November 2025 (Jumaat)
Masa Pendaftaran : 9.00 pagi – 9.30 pagi

MASA	ATURCARA	TEMPAT
9.00 pagi – 9.30 pagi	Pendaftaran Graduan	Dewan Utama, PERDA-TECH Bukit Panchor, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang.
9.30 pagi – 12.30 tghari	Taklimat Majlis Konvokesyen ke- 14 & Raptai Penyampaian Diploma	
12.30 tghri – 2.30 ptg	Rehat/ Makan Tengahari/ Solat	
2.30 ptg – 4.30 ptg	Pengambilan Jubah Graduan	

Semua graduan **diwajibkan menghadiri dan mengikuti Raptai dan Taklimat yang ditetapkan di atas.**

4. TEMPAT:

Upacara Konvokesyen dan sesi Raptai akan diadakan ***seperti dinyatakan di Para 3.***

5. TETAMU ANDA:

Bagi meraikan kejayaan anda, PERDA-TECH menjemput ibu bapa/keluarga untuk turut hadir ke upacara ini. Dua (2) keping kad jemputan untuk dua orang tetamu anda memasuki Dewan akan diberi semasa mengambil Pakaian Akademik. **Tetamu mestilah berpakaian kemas (batik/"lounge suit"/pakaian kebangsaan)** untuk lelaki, manakala wanita mestilah berpakaian sopan dan sesuai untuk majlis rasmi. Pakaian singkat di atas paras lutut adalah dilarang dan tidak akan dibenarkan memasuki Dewan.

Sila maklumkan kepada tetamu anda bahawa mereka tidak dibenarkan keluar daripada Dewan semasa majlis berlangsung sehingga majlis Konvokesyen selesai.

6. MASA MELAPOR DIRI GRADUAN SECARA FIZIKAL

Setiap graduan dikehendaki melapor diri di tempat pendaftaran **jam 8.00 pagi**.

7. PAKAIAN GRADUAN DAN KEKEMASAN DIRI:

7.1 Graduan Sijil / Diploma (Lelaki)

- Kemeja lengan panjang, bertali leher
- Seluar slack hitam / biru gelap
- Kasut kulit hitam, berstokin hitam
- Rambut pendek, kemas serta **tidak bewarna**

Lain-lain pakaian tidak dibenarkan.

7.2 Graduan Sijil / Diploma (Perempuan)

- Baju kurung atau kebaya berbagai warna dan corak **kecuali kuning Diraja**
- Bertudung warna lembut

- Berkasut tutup bertumit

Lain-lain pakaian tidak dibenarkan.

7.3 Graduan Program Khas (SAKTI) Lelaki:

- Pakaian Kebangsaan hitam (bersampin songket)
- Songkok Hitam
- Berkasut kulit hitam, berstokin hitam
- Rambut pendek, kemas serta **tidak bewarna**

Lain-lain pakaian tidak dibenarkan.

7.4 Graduan Program Khas (SAKTI) Perempuan

- Baju kurung atau kebaya berbagai warna dan corak **kecuali kuning Diraja**
- Bertudung putih
- Berkasut tutup bertumit

Lain-lain pakaian tidak dibenarkan.

Graduan yang berpakaian lain dari yang dinyatakan di atas tidak akan dibenarkan memasuki Dewan.

7.5 Pakaian Akademik: Semua Graduan Diwajibkan Memakai Pakaian Akademik – ***JUBAH***

7.6 Kemasukan Graduan ke Dewan **Masa : 8.30 pagi**

7.7 Etika Majlis Konvokesyen

- i. Tempat duduk seperti yang ditetapkan oleh pengurusan PERDA-TECH.
- ii. Tidak dibenarkan keluar sehingga majlis konvokesyen tamat.
- iii. Tidak dibenarkan memasuki dewan jika tidak mematuhi peraturan berpakaian.
- iv. Tidak dibenarkan mengambil gambar sewaktu majlis berlangsung.
- v. Diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising / berlegar-legar dalam dewan atau keluar masuk dewan.
- vi. Telefon bimbit hendaklah dimatikan atau dinyahkan suara sepanjang majlis **konvokesyen** dijalankan.
- vii. Sekiranya memerlukan bantuan atas kes kecemasan sila hubungi Pegawai bertugas.
- viii. Orang Kurang Upaya(OKU) – sila laporkan kepada Pegawai bertugas.

8. **PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN PAKAIAN AKADEMIK (JUBAH)**

8.1 Hari & waktu pengambilan pakaian akademik (Jubah) adalah seperti dibawah :

Hari	Masa	Tempat
Isnin - Khamis (24/11/2025 – 27/11/2025)	9.00pg – 4.00ptg	Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH)
Jumaat (28/11/2025)	2.30ptg – 4.30ptg	

8.2 Pemulangan pakaian akademik adalah selepas selesai majlis konvokesyen pada 29 November 2025 **SEBELUM JAM 4.00ptg**

8.3 Sekiranya pakaian akademik **tidak dipulangkan**, bayaran **denda akan dikenakan sebanyak RM 100.00** serta **sijil / diploma tidak akan dikeluarkan.**

9. TARIKH DAN TEMPAT PENGAMBILAN SIJIL BAGI GRADUAN

9.1 Tarikh dan tempat pengambilan sijil adalah seperti berikut:

Tarikh : Mulai 15 Disember 2025

Hari : Isnin hingga Jumaat

Masa : 9.00 pagi – 4.00 petang

**Tempat : Pejabat Pengurusan
Institut Kemahiran Tinggi
PERDA (PERDA-TECH)
Bukit Panchor, 14300
Nibong Tebal, Seberang Perai
Selatan, Pulau Pinang.**

**KERJASAMA PARA GRADUAN
MEMATUHI ATURCARA DAN PERATURAN
KONVOKESYEN INI AMATLAH
DIHARAPKAN BAGI MEMASTIKAN MAJLIS
KONVOKESYEN PERDA-TECH KALI KE-14
DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN LANCAR**



**Institut Kemahiran Tinggi PERDA
(PERDA-TECH)
Bukit Panchor
14300 Nibong Tebal
Seberang Perai Selatan
Pulau Pinang**

**Tel : 04-599 1100
www.perda-tech.edu.my**